

Gempa dekat permukaan

MYS 37

Pusat gegaran hanya 10 kilometer di bawah tanah
punca kerosakan maksimum

PARIS: Gempa bumi yang menggegarkan Haiti petang kelmarin dikesan berlaku tidak jauh dari permukaan bumi negara itu apabila dua plat bumi mengalami gelinciran, kata saintis, semalam.

Pakar seismologi di Institut Fizik Bumi (IPG) yang berpangkalan di Paris, Perancis, Yann Kinger, berkata gempa bumi cetek itu berlaku hanya kira-kira 10 kilometer dari permukaan.

"Disebabkan gegaran terlalu kuat dan berlaku pada kedalaman rendah - hanya di bawah bandar raya Port-au-Prince - kerosakan diakibatkan gempa itu sangat besar," katanya.

Menurut keterangan dipaparkan dalam laman web Pusat Kajian Geologikal Amerika Syarikat (USGS), agensi



Kinger berkata, gelinciran gara itu amat terhad.



MALAPETAKA... mangsa gempa bumi yang cedera hanya mampu terbaring di tanah sementara menunggu bantuan tiba di Port-au-Prince, semalam.

itu mendakwa, gempa bumi sekuat 7.0 magnitud itu berlaku pada jam 5 pagi (waktu Malaysia), 15 kilometer di barat daya Port-au-Prince.

Pusat gempa pula dikatakan berada kira-kira 8.3 kilometer di dalam bumi.

Pergerakan bumi itu yang menyebabkan gempa dilaporkan berlaku secara mendatar pada lingkaran plat Caribbean yang turut bersambung dengan plat Amerika Utara.

itu memang lama diketahui dan direkodkan pihak yang berkenaan.

“Penyelidik sentiasa mengikuti perkembangan plat itu dari semasa ke semasa,” katanya.

Menurut Kinger, jumlah korban yang tinggi di Haiti - negara termiskin di hemisfera barat - kemungkinan besar diburukkan lagi dengan struktur bangunan yang lemah, selain keupayaan perkhidmatan kecemasan di ne-

“Bangunan di negara itu sangat rapuh dan tidak berkualiti.

“Tahap perkhidmatan kecemasannya pula mungkin tidak efektif seperti negara Eropah Barat,” katanya.

Kebanyakan bangunan lama Haiti, termasuk Istana Presiden, musnah dalam kejadian itu.

Penyelamat juga bimbang beratus-ratus penduduk tertimbus di bawah runtuhan bangunan. - AFP



RANAP...keadaan Istana Presiden Haiti yang musnah dalam gempa bumi sekuat 7.0 magnitud, semalam.